

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Bagi sesebuah perniagaan, keuntungan sangat penting dan merupakan objektif utama perniagaan. Jelaskan kepentingan keuntungan dalam perniagaan.

[4 markah]

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan suatu bentuk-bentuk lain perniagaan

**Gambar 1**

- (i) Jelaskan tiga ciri-ciri perniagaan tersebut. *[3 markah]*
- (ii) Apakah kelebihan perniagaan tersebut? *[3 markah]*
2. (a) Bagaimanakah MATRADE membantu usahawan mengembangkan perniagaan? *[4 markah]*
- (b) Jelaskan jenis-jenis pengangguran berikut:
- (i) Pengangguran kitaran *[2 markah]*
- (ii) Pengangguran struktur *[2 markah]*
- (c) Bagaimanakah kerajaan mengatasi pengangguran di 2(b)(ii)? *[2 markah]*


3. (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis perniagaan.

Syarikat Indah Sdn. Bhd. merupakan pengeluar produk minyak wangi menyasarkan pengeluaran sebanyak 200 000 unit botol minyak wangi pada tahun 2017. Pada tahun 2018, sebanyak 250 000 unit botol minyak wangi berjaya dikeluarkan.

Terangkan ciri objektif yang telah dicapai oleh Syarikat Indah Sdn. Bhd.

[4 markah]

(b) Rajah menunjukkan titik pulang modal Perniagaan Pastrri Mantap yang beroperasi di My Town, Kuala Lumpur.



(i) Apakah **X** dan **Y**?

[2 markah]

(ii) Jelaskan kesan kepada Perniagaan Pastrri Sedap sekiranya pengeluaran pastrri berada di kawasan berlorek

[4 markah]

4. (a) Terangkan kemahiran keboleherjaan yang perlu dimiliki oleh individu yang berminat untuk memohon **jawatan pemandu bas** dan **mekanik**. *[4 markah]*
- (b) Jelaskan tujuan sistem penggajian dalam sesebuah organisasi perniagaan. *[4markah]*
- (c) Jelaskan kegunaan carta organisasi dalam sesebuah perniagaan *[2 markah]*
5. (a) Amirul merupakan seorang usahawan berjaya.
Jelaskan sumbangan Amirul kepada masyarakat. *[3 markah]*
- (b) Jelaskan kelebihan menjadi usahawan kepada keluarga dan masyarakat? *[4 markah]*
- (c) Nyatakan kepentingan menyediakan penyata kewangan kepada seseorang usahawan. *[3 markah]*
6. (a) Terangkan tiga jenis penyata kewangan yang perlu disediakan oleh sesebuah syarikat awam berhad apabila mengemukakan penyata kewangan kepada umum. *[6 markah]*
- (b) Terangkan faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan baharu. *[4 markah]*

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis pemilikan perniagaan

Syarikat Bunga Sendirian Berhad	Syarikat Bersatu Teguh Berhad
---------------------------------	-------------------------------

Jelaskan perbezaan antara kedua-dua bentuk pemilikan perniagaan di atas. [6 markah]

(b) (i). Terangkan tiga kesan deflasi kepada sesebuah negara [6 markah]

(ii) Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah berkaitan deflasi. [3 markah]

8. (a) Maklumat berikut dengan Encik Jimin.

Encik Jimin baru sahaja memulakan perniagaan Jimin Enterprise pada 1 Januari 2017 yang menjual set pinggan mangkuk yang diimport dari luar negara. Setelah beberapa bulan beroperasi, beliau menghadapi masalah dalam menyediakan rekod kewangan yang lengkap. Bagi tujuan pengauditan, beliau perlu menyediakan beberapa rekod kewangan kepada akauntan yang telah diupah.

Semasa proses penutupan rekod kewangan dilakukan, akauntan mendapati beberapa urusan berkaitan dengan urusan kredit tiada dalam rekod simpanan Jimin. Akauntan telah meminta Jimin untuk melengkapkan rekod urusan beliau sebelum penyata kewangan disediakan.

i. Terangkan dokumen yang berkaitan dengan urusan kredit yang perlu disimpan oleh Jimin? [4 markah]

ii. Jelaskan sebab dokumen nota kredit dikeluarkan? [2 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan penghantaran.

Encik Sun Ho merupakan seorang akauntan bagi sebuah syarikat swasta. Beliau telah membuat keputusan untuk berhenti kerja dan memulakan perniagaan kurier yang beliau namakan sebagai Sunho Borneo Express. Beliau telah menyewa sebuah rumah kedai di Tuaran.

Antara peralatan yang telah dibeli untuk perniagaanya ialah :

1. Mesin pencetak thermal
2. Penimbang digital 30kg
3. Alat penimbang elektrik
4. Sistem perisian komputer perkhidmatan kurier
5. Troli barang

Beliau juga telah mengupah lima orang pekerja. Dua orang pekerja bertugas di pejabat, dan tiga pekerja lain bertugas sebagai 'runner'. Setelah 3 tahun beroperasi, beliau bercadang untuk mengubah kedainya untuk membuat sebuah mini kafe bagi pelanggan yang datang ke premis. Bagi tujuan itu, beliau telah melaksanakan beberapa kaedah jualan. Antaranya ialah dengan melaksanakan potongan harga dan pemberian kad kesetiaan pelanggan.

i. Terangkan tujuan mengurus sumber teknologi Sunho Borneo Express.

[2 markah]

ii. Jelaskan prosedur mengurus sumber fizikal yang diperlukan oleh Encik Sunho

[7 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan restoran.

Puan Aminah merupakan pemilik perniagaan Restoran Ayam Hebat.
Pada tahun berakhir 31 Disember 2020, jumlah jualan Restoran Ayam Hebat ialah sebanyak RM250 000. Dia mendapat untung bersih pada tahun tersebut sebanyak RM90 000.

- (a) (i) Apakah peratusan margin untung bersih perniagaan Restoran Ayam Hebat? Berikan tafsiran jawapan anda. *[4 markah]*
- (ii) Jika Puan Aminah menubuhkan perniagaannya dengan modal sebanyak RM150 000. Berapakah peratusan pulangan atas modal? *[2 markah]*
- (b) (i) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaannya. *[4 markah]*
- (ii) Apakah prosedur untuk mendapatkan sumber pembiayaan luaran bagi sesebuah perniagaan? *[5 markah]*

Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab.

- 10 Sabanas Enterprise adalah sebuah syarikat yang menjalankan projek penanaman nanas MD2. Encik Firdaus selaku pengurus besar telah memulakan aktiviti tersebut di tanah seluas lima ekar sejak lima tahun yang lalu. Oleh kerana sambutan yang menggalakkan, beliau bercadang meluaskan kawasan penanaman. Beliau memerlukan jentolak untuk membersihkan kawasan seluas sepuluh ekar lagi. Masalah kewangan menjadikan projek tambahan belum dijalankan. Lagipun beliau tidak berniat untuk membeli jentolak tersebut.

Visi Sabanas Enterprise ialah "Berusaha menjadi pembekal nanas MD2 utama di Sabah" dan misinya pula ialah "Menawarkan nanas kepada masyarakat pada harga yang berpatutan dan kualiti terbaik". Untuk merealisasikan matlamat dan objektif tersebut, seramai dua puluh orang penduduk telah diambil bekerja dalam pelbagai bidang.

Persaingan sengit dalam bidang penanaman nanas menyebabkan Sabanas Enterprise menghadapi pelbagai masalah. Maklumat berikut berkaitan perkembangan Sabanas Enterprise yang menyebabkan matlamat dan objektif sukar dicapai.

Butiran	Tahun		
	2018	2019	2020
Bilangan pekerja	20	20	13
Jumlah jualan	RM550 000	RM750 000	RM350 000
Keluasan tanah	Lima ekar	Lima ekar	Lima ekar

Pada awal tahun 2020, Encik Firdaus telah berjaya menghasilkan serat daripada daun nanas. Pengeluaran serat ini telah mendapat tempahan daripada pengimport luar negara untuk dijadikan bahan utama dalam industri pakaian, beg dan kasut. Beliau telah menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk melancarkan perjalanan pengurusan perniagaan Sabanas Enterprise. Kini Encik Firdaus telah berjaya menaikkan semula nama Sabanas Enterprise sehingga ke peringkat antarabangsa.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Nyatakan salah satu jenis pembiayaan yang sesuai kepada Encik Firdaus bagi mengatasi masalah kewangan berkaitan pembersihan tapak penanaman tersebut.
Jelaskan jenis pembiayaan ini. *[4 markah]*
- (b) Jelaskan kesan yang dihadapi oleh Sabanas Enterprise akibat daripada kegagalan dalam mencapai matlamat dan objektif perniagaan mereka. *[4 markah]*
- (c) Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Encik Firdaus untuk memastikan mereka mampu mencapai matlamat dan objektif dalam perniagaan? *[6 markah]*
- (d) Jelaskan satu ciri keperibadian yang unggul pada diri Encik Firdaus berkaitan penghasilan serat daripada daun nanas. *[3 markah]*
- (e) Bagaimana kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat membantu perniagaan Sabanas Enterprise? *[3 markah]*

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT